

## Sesi Penerangan oleh Bahagian Biosekuriti Tumbuhan, Jabatan Pertanian berkenaan Permit Import Tanah

Pengerusi : Puan Faridah Aini Muhammad, Pengarah Bahagian Biosekuriti  
Tumbuhan Tempat : Tingkat 2, Wisma Tani, Jalan Sultan Salahuddin  
Tarikh : 3 Jun 2016 (Jumaat)  
Masa : 11:00 pagi

### Senarai Kehadiran:

1. Tn. Haji Ghazali Zakaria, Jabatan Pertanian
2. En. Mohd Ridzuan Ismail, Jabatan Pertanian
3. En. Rayner Tiam, Jabatan Pertanian
4. Cik Maliza Hazin @ Abd Rahman, Jabatan Pertanian
5. Prof. Dr. Azizan Abu Samah, Pengarah NARC
6. En. Mohd Nasaruddin Abd Rahman, CEO YPASM
7. Dr. Faradina Merican Mohd Sidik Merican, USM
8. Dr. Wong Chew Yen, IMU
9. Dr. Siti Aqlima Ahmad, UPM
10. Dr. Mohd Azrul Naim Mohamad, UIAM
11. Cik Norizan Ab Rahman, YPASM
12. Cik Intan Fazlin Ab Razak, YPASM
13. Cik Anna Tutsilawati Komarudin, NARC
14. Cik Shoba Mary Thomas, UM
15. Cik Lim Poh Poh, UM
16. Puan Abiramy Krishnan, UM

### Butiran perbincangan:

1. Pengenalan mengenai permit import tumbuhan, produk tumbuhan dan artikel terkawal dan taklimat ringkas berkenaan prosedur permohonan permit telah diberikan oleh En. Rayner Tiam, Penolong Pengarah, Seksyen Import Eksport Kuarantin Tumbuhan, Bahagian Biosekuriti Tumbuhan.
2. Dimaklumkan, pengimportan tanah untuk tujuan penyelidikan adalah tertakluk di bawah Akta Kuarantin Tumbuhan 1976, Peraturan-peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981 dan Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 dan perlu mengikuti Garis Panduan (SOP) Permohonan Pengimportan Artikel Terkawal, Tumbuhan dan Produk Tumbuhan (Analisis Risiko Perosak, PRA).
3. Semua pengimportan tumbuhan, produk tumbuhan dan artikel terkawal perlu terlebih dahulu dijalankan PRA.
4. Maklumat lanjut mengenai permit import tanah boleh diperolehi di laman web Jabatan Pertanian Malaysia: <http://www.doa.gov.my/myimport>. (Slides pembentangan dilampirkan).
5. Hasil dari sesi soal jawab dan perbincangan tersebut, telah dimaklumkan dan dipersetujui bahawa:

- a. Semua permohonan permit oleh penyelidik tempatan bagi tujuan penyelidikan di Antartika dan Artik mestilah dikemukakan di atas nama Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM).
- b. YPASM akan menghantar surat permohonan kepada Jabatan Pertanian yang mengandungi semua maklumat yang lengkap dari penyelidik seperti yang dinyatakan dalam dokumen *Maklumat Tambahan Permohonan Pengimportan Sampel Tanah bagi Tujuan Penyelidikan (dilampirkan)*.
- c. Oleh yang demikian, hanya satu akaun Dagang Net akan dibuka oleh YPASM untuk memudahkan penyelidik. Bagi setiap satu permit yang dipohon, penyelidik perlu membayar RM15 bagi tujuan pemprosesan (bayaran kepada YPASM dan YPASM akan membuat bayaran kepada Jabatan pertanian).
- d. Berat maksimum sampel tanah yang dibenarkan ialah 1 Kilogram untuk setiap permit yang dimohon. Penyelidik yang memerlukan sampel melebihi berat yang dibenarkan boleh memohon lebih dari satu permit.
- e. Pintu masuk sampel ke dalam negara yang dibenarkan hanyalah di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).
- f. Selepas tiba di KLIA, semua sampel perlu diuji di Post Entry Quarantine (PEQ), Serdang. Memandangkan sampel dari Antartika dan Artik perlu disimpan di suhu yang rendah, adalah dipersetujui bahawa sampel tersebut akan disimpan di makmal National Antarctic Research Centre (NARC) sepanjang tempoh masa proses kuarantin sehingga keputusan analisis dikeluarkan. Sampel hanya boleh dibawa keluar dari tempat penyimpanan NARC setelah PEQ, Serdang memberi kebenaran.
- g. Penyelidik yang menetap di Sabah/ Sarawak perlu memohon permit tambahan di Jabatan Pertanian negeri masing-masing bagi sampel dari Kuala Lumpur ke Sabah/Sarawak.
- h. Permohonan dalam e-permit mestilah dihantar sekurang-kurangnya 2 minggu sebelum sampel dihantar pulang ke Semenanjung Malaysia.
- i. Seminggu sebelum tarikh jangkaan tiba sampel, penyelidik perlu memaklumkan kepada Jabatan Pertanian / MAQIS bagi memudahkan proses pengendalian sampel.
- j. Tempoh sahlaku permit ialah 3 bulan dari tarikh permit diluluskan.
- k. Setelah tamat kerja-kerja penyelidikan atau tempoh penyimpanan sampel, penyelidik yang bertanggungjawab akan melupuskan kesemua sampel tersebut (Borang PQ12) dan pengesahan pelupusan akan dilakukan oleh Pegawai Pemeriksa Jabatan Pertanian.
- l. Sekiranya terdapat keperluan untuk tidak melupuskan sampel atau melupuskan sampel selepas tarikh yang dibenarkan, pemohon perlu berbincang dengan Jabatan Pertanian.